

Pusat pelancongan di pantai, pulau dilanda tsunami dijamin selamat dikunjungi

UM - 17/1/2005 : 2

SEPANG 16 Jan. — Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan pusat-pusat pelancongan di pantai dan pulau-pulau di negara ini yang dilanda tragedi ombak besar tsunami pada pada 26 Disember lalu, selamat dikunjungi pelancong.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, lokasi berkenaan hanya mengalami kerosakan kecil dan sedang dipulihkan oleh secara berperingkat-peringkat menerusi pelbagai agensi terutama Kementerian Pelancongan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan mengambil langkah segera untuk mengadakan promosi ke seluruh dunia menerusi risalah, iklan dan media untuk memaklumkan pelancong-pelancong asing tentang perkara tersebut.

"Industri pelancongan kita tidak terjejas sama sekali kerana bencana hanya melibatkan beberapa pantai sahaja. Itupun hanya kecil dan pelancong yang hendak datang ke Malaysia akan rasa selamat dan tidak perlu khuatir tsunami.

"Perkara ini juga kita akan sebarakan ke seluruh negara. Jadi kita akan mempromosikan promosi ini untuk memberitahu bahawa pantai dan lokasi pinggir pantai kita selamat," katanya.



NAJIB Tun Razak menerima replika cek berjumlah RM50,151.77 daripada Tun Mahathir Mohamad yang mewakili Sepang Circuit untuk Tabung Bencana Tsunami di Litar Antarabangsa Sepang semalam.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima sumbangan RM607,671 daripada program Perlumbaan Amal Untuk Tabung Mangsa Tsunami di Litar Antarabangsa Sepang di sini hari ini.

Kutipan tersebut dipungut daripada jualan pelbagai produk perlumbaan Formula 1 dan perlumba-

an amal sembilan pusingan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang, Datuk Mokhzani Mahathir dan Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Mengulas lanjut, Najib berkata, Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad dan Ahmad Zahid akan turut melawat ke seluruh negara untuk memberi penjelasan kepada masyarakat mengenai kesan malapetaka itu.

"Kesan tsunami itu kita yakin akan pulih balik dalam waktu yang singkat dan tidak akan memberi apa-apa kesan kepada sektor pelancongan kita," tambah beliau.

Pada tahun lalu, dianggarkan sekitar 15 juta pelancong mengunjungi negara ini dengan perolehan pendapatan melebihi RM20 bilion dan menjadi penyumbang ketiga terbesar ekonomi negara.

Antara lokasi yang menjadi tumpuan industri pelancongan ialah pulau-pulau peranginan utama termasuk Langkawi, Tioman dan beberapa pulau di pesisir Johor, Perak dan Kedah.

"Bencana itu tidak menjejaskan infrastruktur dan membawa kerosakan besar kepada Langkawi dan tidak akan memberi kesan untuk kita laksanakan Le Tour de Langkawi pada 28 Februari nanti," katanya.